

JATI DIRI DAN PATRIOTISME DALAM KALANGAN GENERASI BARU MASYARAKAT MAJMUK MALAYSIA: KAJIAN TERHADAP PEMAHAMAN, PERSEPSI, PENERIMAAN DAN CABARAN

Rosfazila Abd Rahman

rosfazila@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Hairol Anuar Mak Din

hairolanuar@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Jessica Ong Hai Liaw

jsscng@gmail.com

Faculty of Defence Studies and Management

National Defence University of Malaysia (UPNM)

Adlina Abdul Khalil

adlina@unishams.edu.my

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)

Munira Abd Razak

munira@ump.edu.my

Universiti Malaysia Pahang (UMP)

ABSTRAK

Jati diri dan patriotisme dalam kalangan generasi baru masyarakat majmuk Malaysia sering kali menjadi keimbangan memandangkan generasi baru kebiasannya terkenal dengan sifat-sifat seperti ingin mencuba suatu yang baru dan mudah terikut-ikut sedangkan generasi ini merupakan generasi harapan bangsa yang bakal menerajui negara pada masa akan datang. Mutakhir ini pula wujud pelbagai bentuk tindakan dan provokasi yang bertentangan dengan budaya jati diri dan nilai patriotisme dalam kalangan masyarakat majmuk Malaysia terutama golongan generasi baru. Kajian ini dilakukan untuk melihat pemahaman, persepsi, penerimaan, serta cabaran dalam kalangan generasi baru masyarakat majmuk Malaysia terhadap konsep jati diri dan patriotisme. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif di mana teknik temu bual secara mendalam digunakan ke atas empat puluh orang informan yang terdiri daripada pelbagai etnik di Bandaraya Kuala Lumpur. Antara dapatan utama kajian ialah para informan mempunyai pemahaman yang baik terhadap konsep jati diri dan patriotisme. Selain itu, informan juga mempunyai persepsi yang positif terhadap konsep jati diri dan patriotisme malah mereka boleh menerima baik sifat jati diri dan patriotisme ini. Walaubagaimanapun, aspek cabaran dikesan sebagai penentu tahap pengukuhan dan kesinambungan jati diri dan patriotisme generasi baru masyarakat majmuk Malaysia. Aspek dan situasi sifat perkauman, kurang persefahaman antara kaum dan tribulasi media sosial adalah cabaran besar yang perlu ditangani bagi menjamin kesepadan dan kesejahteraan bangsa Malaysia.

Kata Kunci : *jati diri, patriotisme, generasi baru, masyarakat majmuk Malaysia.*

PENGENALAN

Kekukuh jati diri dalam kalangan generasi muda sering kali menjadi kebimbangan masyarakat. Perkara tersebut memandangkan generasi muda lazimnya terkenal dengan sifat-sifat seperti ingin mencuba sesuatu yang baru dan mudah terikut-ikut. Dari sudut yang lain, generasi muda juga merupakan generasi harapan bangsa yang bakal menerajui negara pada masa akan datang. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan jati bermaksud sejati asli, murni, tulen, tidak bercampur, yang sebenarnya. Diri pula bermaksud bangkit dan tegak di atas kaki, tegak, ditubuhkan, berdasarkan sesuatu, berdikari menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua.

KAJIAN LITERATUR

Konsep Jati Diri

Di dalam Kamus Dewan Edisi Keempat, jati diri membawa definisi sebagai sifat atau ciri yang unik dan istimewa daripada segi adat, bahasa, budaya, agama, dan sebagainya yang menjadi teras dan lambang keperibadian seseorang individu dan bangsa. Ia juga membawa maksud sebagai identiti. Selain itu, jati diri juga merupakan nilai-nilai murni. Konsep jati diri menyatakan ciri-ciri dalaman individu. Ianya termasuk sikap atau perlakuan seseorang individu. Ciri-ciri ini dapat dikesan melalui penampilan diri individu tersebut.

Menurut Sabariah binti Shafiee (2013), beliau mentakrifkan jati diri sebagai sifat, ciri atau nilai-nilai murni peribadi yang kekal dan stabil, tidak akan berubah atau payah untuk berubah. Contohnya ialah sifat bercakap benar, amanah dalam urusan, menyampaikan maklumat secara bijak, bersih, jujur dan berbagai lagi sifat dan nilai etika dan estetika yang terpuji. Jati diri adalah ciri-ciri dalaman yang positif dan sangat peribadi tetapi cukup universal untuk dikongsi secara bersama, kerana kelompok persamaan yang universal dan positif sahaja yang akan dapat membentuk jati diri bangsa dan masyarakat setempat. Sebagai contoh, kefahaman minda yang serupa boleh dikongsi secara bersama. Dengan mengambil pemahaman penampilan diri sebagai salah satu ciri jati diri, kita juga akan mendapati bahawa jati diri boleh membentuk persepsi masyarakat ke atas diri kita. Persepsi diri yang tidak berubah dari pandangan masyarakat ini adalah jati diri luaran yang boleh dilihat, dipelajari dan diteroka oleh individu yang lain tentang diri kita.

Menurut Ismail Ibrahim (2010b) pula, jati diri bagi rakyat Malaysia merupakan isu yang sangat kompleks memandangkan negara ini menerima kepelbagaian kaum, agama, budaya dan bahasa. Oleh kerana Malaysia mempunyai sistem perlembagaan yang merangkumi sistem perundangan, sosial, agama, bahasa dan sebagainya, maka beliau berpendapat, pengakuan sebagai rakyat Malaysia adalah merupakan pengiktirafan jati diri yang iltizam kepada iklim dan landskap negara ini secara keseluruhannya. Oleh yang demikian, Ismail Ibrahim (2010a) berpendapat bahawa rakyat harus mengenali jati diri dan sahsiahnya secara mendalam.

Konsep Patriotisme

Patriotisme berasal dari perkataan Latin patria dan Greek patritha. Patriotisme bermaksud kecintaan seseorang kepada tanah tumpahnya atau negaranya (Aziz, 2009; Nazri & Jamsari, 2002; Hand, 2011). Patriotisme merupakan sebuah konsep yang berkaitan dengan kenegaraan (Aziz, 2009; Kardi, 2009). Walau bagaimanapun bentuk patriotisme boleh berubah mengikut peredaran zaman dan keadaan. Namun, makna mengenai patriotik tetap kekal sebagai perasaan cinta kepada

tanah air. Muhamad Ali Embi (2009) menegaskan patriotisme bukanlah sekadar luahan perasaan namun menuntut kepada penghayatan daripada setiap warganegara. Beliau mengandaikan bahawa patriotisme bukan sekadar semangat, tetapi ia merupakan sesuatu yang agung yang melibatkan soal keyakinan, kesetiaan, kewarganegaraan, keberanian, kemerdekaan, jati diri dan kedaulatan. Oleh itu, setiap warganegara Malaysia harus mempunyai semangat patriotisme kerana kemerdekaan yang diperoleh bukan merupakan sesuatu yang mudah, malah ianya berlaku dalam suasana yang dramatik. Nilai-nilai patriotisme ini perlu dipupuk agar sentiasa subur dalam diri setiap warganegara agar generasi pemimpin yang mendatang terus mengekalkan kesinambungan kemerdekaan yang sedang dinikmati. Patriotisme juga membawa erti fahaman atau kepercayaan yang menggabungkan individu, kelompok dan wilayah di mana kelompok tersebut menghuni. Malah patriotisme sering kali dikaitkan dengan kesetiaan dan kecintaan seseorang terhadap negaranya sendiri. Seseorang itu dianggap patriot apabila tindakan dan amalannya menepati ciri-ciri patriotisme yang berteraskan kecintaan dan kesetiaan kepada negara (Kardi, 2009). Manakala Ku Hasnita (2007) menegaskan patriotisme sebagai satu tindakan yang bersumberkan emosional, iaitu cinta dan setia kepada negara sehingga sanggup melakukan apa sahaja demi negara. Patriotisme adalah sebuah konsep yang berkaitan dengan kenegaraan. Kenegaraan dibentuk oleh warisan dan wawasan yang berlandaskan liku-liku sejarah yang dilalui oleh rakyat dalam sebuah negara.

Generasi Baru Masyarakat Majmuk Malaysia

Rancangan Malaysia Ketujuh (1996–2000) mencatatkan bilangan remaja pada tahun 1995 ialah kira-kira 19.5 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia. Menjelang tahun 2020, dianggarkan bilangan ini akan bertambah kepada 20 juta orang. Kedudukan ini menjadikan golongan ini sebagai satu kumpulan penting dalam menerajui masa depan negara. Mereka merupakan penentu dan penyambung pembangunan negara. Keutuhan negara amat bergantung kepada kekuatan yang wujud pada generasi muda ini. Mereka merupakan paksi kepada sesebuah negara. Golongan ini memerlukan bimbingan dan pandu arah untuk menjadi manusia yang mampu menggunakan potensi diri sebaik mungkin dan menurut arah yang betul. Oleh itu sikap jati diri dan semangat patriotisme perlu wujud dalam setiap diri golongan remaja. Sebagaimana kata-kata mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Mahathir Mohamed agar golongan belia memelihara dan mempertahankan tanah air daripada dijajah oleh orang luar. Mereka perlu tahu tentang sejarah yang berlaku pada negara. Dengan itu, mereka akan faham tentang perjuangan, cinta akan negara dan membantu negara bagi merealisasikan wawasan 2020. Akan tetapi kita dapat kini, ramai generasi muda kurang mempunyai semangat patriotisme dalam diri mereka. Perkara ini merupakan lumrah bagi generasi muda yang lahir selepas kemerdekaan. Memandangkan semakin terhakisnya sifat jati diri dan semangat patriotisme dalam kalangan remaja dewasa ini, tujuan kertas kerja ini dijalankan adalah untuk melihat pemahaman, persepsi, penerimaan serta cabaran yang dihadapi oleh generasi baru masyarakat majmuk Malaysia dalam mengamalkan konsep jati diri dan patriotisme.

METODOLOGI

Hasil dapatan yang dibincangkan dalam kajian ini diperoleh melalui kaedah kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian temu bual mendalam. Jenis temu bual mendalam yang digunakan adalah temu bual separa berstruktur kerana ianya lebih berfleksibel dan memudahkan informan

menghuraikan apa yang difikirkan kepada penyelidik. Selain itu, jumlah informan yang ditemui bual dalam kajian ini adalah seramai empat puluh orang yang terdiri daripada pelbagai etnik di Bandaraya Kuala Lumpur. Informan dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu daripada etnik Melayu, India dan Cina. Informan terdiri daripada golongan generasi baharu berumur di antara 18 hingga 25 tahun. Perbezaan kategori informan ini dapat mengukuhkan dapatan kajian dalam temu bual mendalam ini di mana boleh memperolehi pelbagai pendapat dari sudut yang berbeza.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Hasil dan perbincangan ini dihuraikan dengan memfokuskan kepada empat elemen utama iaitu pemahaman generasi baru masyarakat majmuk Malaysia terhadap konsep jati diri dan patriotisme, persepsi generasi baru masyarakat majmuk Malaysia mengenai konsep jati diri dan patriotisme, penerimaan generasi baru masyarakat majmuk Malaysia terhadap konsep jati diri dan patriotisme serta cabaran-cabaran yang dihadapi oleh generasi baru masyarakat majmuk Malaysia dalam mengaplikasikan konsep jati diri dan patriotisme.

Pemahaman Generasi Baru Masyarakat Majmuk Malaysia Terhadap Konsep Jati Diri Dan Patriotisme

Kajian mendapati hanya sebahagian daripada informan telah memahami konsep jati diri dengan baik. 50 peratus informan dapat memberikan pemahaman yang baik tanpa diterangkan lebih awal tentang konsep sebenar perkara ini. Manakala sebahagian lagi teragak-agak dan tidak pasti untuk memberikan jawapan malah ada juga informan yang tidak tahu tentang konsep jati diri ini. Justeru, pengukuhan jati diri dalam kalangan generasi baru ini boleh dianggap kurang. Secara umumnya, informan memahami konsep jati diri ini dengan maksud keberanian, jadi diri sendiri, personaliti, kekuatan dan keyakinan diri.

Bagi konsep patriotisme pula, rata-rata informan telah menunjukkan kefahaman yang sangat baik tentang konsep patriotisme itu sendiri. Hanya seorang informan sahaja yang tidak tahu dan kurang pasti tentang istilah patriotisme. Hampir kesemuanya memberikan jawapan yang sama tentang konsep patriotisme iaitu ianya merupakan semangat cinta akan negara.

Ini dibuktikan dengan kenyataan daripada informan-informan seperti berikut:

...saya rasa jati diri ni macam satu keberanian yang ada pada diri kita, patriotisme pula ialah semangat cinta akan negara...

...apa yang saya faham, jati diri ni ialah jadi diri sendiri. Contoh kalau pergi tempat lain, kita tak jadi orang lain, kita tetap jadi diri kita sendiri. Kalau patriotisme pula ia merupakan semangat cinta akan negara...

...saya tak tahu. Jati diri ni mungkin personaliti yang melambangkan diri kita. Patriotisme pula semangat cinta akan negara...

...jati diri ni sebenarnya kekuatan dari dalam manakala patriotisme ialah semangat kenegaraan...

...jati diri ni macam self-confidence, kalau patriotisme pula ia merupakan kecintaan

kita terhadap negara ...

...konsep jati diri ni maksudnya kita ada prinsip untuk tegakkan identiti kita. Patriotisme tu pula semangat cintakan negara. Contoh dulu kita ada PLKN sebagai platform didik remaja pupuk sifat cintakan negara...

Penekanan dan kefahaman mengenai konsep jati diri dan patriotisme harus disebarluaskan agar warganya mampu menyemai semangat patriotisme dan mengukuhkan jati diri yang wujud dalam diri mereka dalam merealisasikan aspirasi negara menjadi sebuah negara maju Justeru, nilai kecintaan yang mendokong semangat patriotik ini perlu didokong oleh nilai-nilai yang lain seperti nilai kebanggan, kesetiaan, kekitaan, berdisiplin, berusaha dan produktif untuk membina jati diri dan berfikiran terbuka bagi setiap individu agar menerima kepelbagian dalam etnik di Malaysia. Oleh itu, pemupukan nilai-nilai yang mendokong patriotisme ini akan turut membentuk bangsa Malaysia yang lebih berdaya tahan dan produktif, khususnya generasi baru di Malaysia ini.

Persepsi Generasi Baru Masyarakat Majmuk Malaysia Mengenai Konsep Jati Diri Dan Patriotisme

Persepsi yang ingin dibincangkan di sini merupakan pandangan atau tanggapan para informan sama ada dari sudut yang positif mahupun negatif tentang konsep jati diri dan patriotisme. Umumnya kajian mendapati para informan mempunyai persepsi positif terhadap konsep jati diri dan patriotisme. Informan melihat jati diri dan patriotisme sebagai satu semangat yang perlu digabungkan serta diterapkan dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia khususnya generasi baru pada masa kini. Hal ini demikian kerana, sifat dan semangat ini kian berkurangan dalam kalangan belia masa kini. Informan banyak memberikan pandangan yang positif dan menghubungkan antara sikap jati diri serta semangat patriotisme di mana ia akan menghasilkan masyarakat dan generasi yang lebih pembersih, berdisiplin, bertolak ansur, dan sebagainya. Hal ini disokong oleh para informan seperti berikut:

...pandangan saya kita kena menjaga negara kita dengan jaga kebersihan contohnya kutip sampah. Jadikan ia sebagai jati diri kita. Kalau kita nampak sampah di tempat awam, kita kutip dan seterusnya itu akan menunjukkan yang kita ni sayangkan negara kita. Kita nak negara kita bersih...

...jadikan semangat cinta akan negara sebagai jati diri setiap orang. Setiap orang kena ada semangat patriotisme tu kat mana pun dia ada. Semangat itu harus diterapkan dari kecil lagi...

...kita kena sayang negara, berjaga-jaga lebih lagi bab perkauman...

...pendapat saya, kita mesti beli kereta keluaran negara, ataupun turun mengundi, untuk tunjukkan yang kita support Malaysia. Jadikan itu sebagai jati diri kita...

...pandangan saya kita mesti beli dan sokong barang tempatan. Sokong orang yang boleh menyumbang banyak di Malaysia...

...kita patut berbangga menjadi rakyat Malaysia. Itulah jati diri kita...

...bila kita ada jati diri dan semangat patriotisme, kita akan tolak ansur sesama masyarakat untuk jadikan negara kita lebih aman...

...pandangan saya kita kena buat promosi untuk meningkatkan sifat jati diri dan patriotisme. Tidak perlu buat seperti Menteri, promosi ketika musim perayaan contohnya. Cukup dengan kita tunjukkan contoh yang baik.

Penerimaan Generasi Baru Masyarakat Majmuk Malaysia Terhadap Konsep Jati Diri Dan Patriotisme.

Hasil kajian mendapati penerimaan generasi baru masyarakat majmuk terhadap konsep jati diri dan patriotisme adalah positif dan sangat memberansangkan. Informan mempunyai perspektif positif terhadap konsep jati diri dan patriotisme. Kesemua informan merasakan bahawa sifat jati diri dan patriotisme ini perlu ada dan sangat berguna dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia terutamanya golongan generasi baru.

Hal ini boleh dilihat melalui kenyataan informan:

...saya rasa perlu ada jati diri dan semangat patriotisme sebab negara kita unik, ada pelbagai kaum, jadi kita kena jaga keunikan itu...

...saya merasakan jika 3 bangsa yang berbeza di Malaysia ini bekerjasama, ia akan menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih baik...

...jati diri dan patriotisme ni relevan dan perlu ada sebab saya rasa penting untuk kita tahu asal usul kita, dari mana kita datang, macam mana kita dibesarkan, apa yang orang dulu sumbangkan untuk negara kita tak kira bangsa. Walau apa pun bangsa mereka, mereka tetap memberi sumbangan pada negara, jati diri kita dan di mana kita berada sekarang. Jadi saya rasa ianya relevan dan penting...

Para informan yang bersetuju dengan kenyataan ini adalah kerana mereka merasakan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik perlu mempunyai jati diri dan sifat timbang rasa untuk memastikan negara dalam keadaan aman. Ini juga dapat menunjukkan rasa sayang dan cinta akan negara di mana informan menginginkan negara yang sentiasa dalam keadaan aman dan tidak kucar kacir. Ada juga informan yang merasakan wajar bagi golongan belia untuk mempunyai sikap jati diri dan semangat patriotisme ini agar dapat membantu negara ini. Hal ini dikaitkan dengan kenyataan informan berikut:

...bila kita ada jati diri, kita akan ada keberanian untuk bercakap dan bertukar pandangan sesama kaum agar melahirkan sifat bertimbang rasa...

...perlu ada jati diri dan semangat patriotisme sebab ia berguna untuk masyarakat kita. bila tak ada sifat tu akan berlaku percanggahan pendapat...

...sekiranya masyarakat tiada sifat jati diri dan tidak menunjukkan rasa cinta akan

negara akan wujud perselisihan faham dan bergaduh maka masyarakat tidak akan bersatu padu...

...benda ni sangat perlu untuk kita duduk satu negara dalam keadaan aman, tak kucar kacir. Tu sangat penting...

...saya rasa kita patut ada jati diri dan semangat sayang negara untuk mengelakkan perselisihan faham antara kita dengan kaum lain. Macam negara lain kan ada pergaduhan, perang and sebagainya, tapi di Malaysia kita aman. Semua orang boleh mengamalkan kepercayaan dan adat masing-masing...

...kita kena ada semangat tu untuk mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan negara. Selain itu, untuk mengelakkan dari timbul sifat perkauman. Seterusnya perlu ada sifat bertolak ansur demi keharmonian negara...

...setiap orang kena ada perasaan cinta negara, sebab kalau kita tak cinta negara kita tak boleh support kita punya negara contohnya macam ekonomi. Kalau tak cinta negara juga kita tak akan ada perasaan nak tolong negara...

Cabarannya Yang Dihadapi Oleh Generasi Baru Masyarakat Majmuk Malaysia Dalam Mengaplikasikan Konsep Jati Diri Dan Patriotisme

Konsep jati diri dan patriotisme dalam konteks generasi baru masyarakat majmuk Malaysia ini adalah agak mencabar untuk diaplikasikan pada masa kini. Kajian mendapati bahawa cabaran yang paling utama diutarakan oleh informan adalah cabaran perkauman, cabaran kurangnya persefahaman antara masyarakat majmuk di Malaysia, dan tribulasi media sosial.

Informan menyatakan bahawa cabaran perkauman adalah cabaran yang paling utama dalam mengamalkan konsep jati diri dan patriotisme ini. Apabila masyarakat mempunyai sifat perkauman yang tinggi, ia telah mewujudkan sebuah daya saing yang tidak sihat seterusnya melahirkan sifat mementingkan diri sendiri dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia.

..."Sifat perkauman yang kuat. Wujud daya saing yang tidak sihat dan akan melahirkan sifat pentingkan diri sendiri"...

..."Perkauman. Sesetengah orang masih ada perangai ini. Hari ini saya ada berjumpa dengan orang yang racist, dan itu buat saya sangat marah. Jadi saya rasa kita tidak patut mempunyai sikap ini"...

..."Cabaran dia adalah racism antara kaum, so kita kena mansuhkan racism ni. Pada pendapat saya cabaran ni boleh diatasi. Macam saya sendiri tak ada masalah pun, saya ada ramai je kawan Melayu dan Cina..."

..."Saya rasa cabarannya ialah kesukaran untuk faham bangsa lain dan tak hormat adat resam bangsa itu sendiri. Itulah cabaran paling besar yang saya dapat lihat sebab kita semua gemar hidup berkelompok. Itu adalah perkara biasa pada zaman sekarang. Bukan semua tapi majoriti adalah ke arah itu saya rasa kita patut betulkan keadaan itu dengan cara kita kena bergaul dengan semua bangsa"...

Sikap tidak bertolak ansur dan tidak memahami masyarakat lain ini tidak lain dan tidak bukan adalah disebabkan daripada sifat perkauman yang ada dalam diri masyarakat itu sendiri.

Ada juga informan yang meluahkan rasa kesalnya terhadap sesetengah syarikat yang sepatutnya memberi peluang pekerjaan yang sama rata terhadap masyarakat berbilang kaum di Malaysia ini, tetapi mereka lebih mengutamakan pekerja mengikut majoriti kaum atau bangsa yang mempelopori syarikat tersebut. Ini juga merupakan satu cabaran yang besar dari sudut peluang pekerjaan bagi golongan generasi baru.

... "Banyak berlaku dalam syarikat yang dipelopori oleh kaum Cina bagi kemudahan mereka untuk bekerja dan berkomunikasi. Bagi saya perlu kurangkan sifat perkauman untuk keharmonian bersama" ...

Akhir sekali, cabaran tribulasi media sosial juga merupakan satu cabaran yang tidak kurang hebatnya dalam kalangan generasi baru masyarakat majmuk Malaysia. Pada masa kini, penyebaran maklumat yang salah amat mudah untuk dilakukan. Penyalahgunaan media sosial yang meluas dan tiada sempadan ini boleh mencetuskan salah faham dan pergaduhan sesama masyarakat jika masyarakat tidak mempunyai jati diri yang kukuh seperti mudah mempercayai anasir luar yang ingin memecah belahkan rakyat Malaysia serta kurangnya semangat cinta akan negara.

... "Zaman media sosial, kena selidik dulu sesuatu berita sebelum mempercayai sesuatu. Kita kena keluar, tengok sendiri. Jangan terus percaya apa yang ada dalam media sosial seperti Twitter dan sebagainya" ...

... "Cabarnya sekarang ni terlalu banyak media sosial. Kadang orang guna tak betul. Bila benda yang tak betul, share dengan orang, tu yang akan menyebabkan keamanan tergugat kat dalam Malaysia" ...

... "Cabaran sekarang ni media sosial. Ia timbulkan kekeruhan dalam masyarakat disebabkan penularan perkara yang kita tidak tahu betul atau tak. Saya rasa kerajaan perlu tingkatkan perasaan sifat kemuhibbahan dalam nilai murni masyarakat" ...

KESIMPULAN

Semangat jati diri dan patriotisme ini kian berkurangan dalam kalangan generasi baru masyarakat majmuk Malaysia pada masa kini maka kajian ini bertujuan untuk melihat pemahaman, persepsi, penerimaan serta cabaran dalam kalangan generasi baru bagi mengaplikasikan konsep jati diri dan patriotisme di Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti para informan memahami konsep jati diri dan patriotisme ini dengan baik. Umumnya hasil kajian mendapati bahawa para informan mempunyai persepsi positif terhadap konsep jati diri dan patriotisme ini. Penerimaan generasi baru masyarakat majmuk Malaysia terhadap konsep jati diri dan patriotisme ini juga adalah sangat baik dan informan merasakan bahawa konsep ini sangat penting untuk diterapkan dalam diri masing-masing. Informan berpendapat bahawa konsep jati diri dan patriotisme ini relevan dan berguna demi menjaga keharmonian negara.

Walaubagaimanapun, aspek cabaran dilihat runcing bilamana kajian mendapati cabaran perkauman adalah cabaran yang paling utama diutarakan sebagai cabaran dalam mengamalkan konsep jati diri dan patriotisme dalam kalangan generasi baru masyarakat majmuk Malaysia oleh informan manakala cabaran-cabaran lain adalah cabaran kurangnya persefahaman dan cabaran tribulasi media sosial yang banyak disalahgunakan pada masa kini.

Berdasarkan maklumat keseluruhan informan, jelas menunjukkan bahawa konsep jati diri dan patriotisme mempunyai perspektif positif dalam kalangan generasi baru. Namun, ada juga segelintir yang tidak tahu dan tidak pasti tentang konsep jati diri dan patriotisme kerana kurangnya kesedaran di dalam diri mereka. Justeru, adalah dicadangkan supaya pengukuhan dibuat berdasarkan hasil kajian iaitu memberi fokus kepada isu perkauman, persefahaman dan media sosial yang menjadi cabaran utama. Setiap individu dalam lapisan masyarakat perlu memahami dengan baik berkaitan konsep jati diri dan patriotisme. Pihak bertanggungjawab seperti agen-agen sosialisasi seperti keluarga, sekolah, tempat tinggal, tempat kerja, kerajaan, agensi bukan kerajaan dan masyarakat umumnya juga perlu memainkan peranan penting dalam menangani cabaran ini dengan mengawal dan memantau isu perkauman, persefahaman dan tribulasi media sosial yang berpotensi melemahkan jati diri dan semangat patriotisme golongan generasi baru khususnya. Antara langkah yang dicadangkan ialah memperkasakan undang-undang dan mengenakan hukuman yang berat kepada individu yang membangkitkan isu perkauman dan menggugat persefahaman. Selain itu, aspek pendidikan perlu ditekankan. Nilai jati diri dan semangat patriotisme ini mampu disuburkan melalui pendidikan sejarah, sivik dan kenegaraan Malaysia. Perbincangannya perlu diperluaskan lagi dengan menekankan kepada perkembangan dan sumbangan tokoh-tokoh dalam membebaskan tanah air dari penjajahan dan membangunkan negara serta spek-aspek kenegaraan yang lain merangkumi aspek politik, ekonomi dan sosial. Manakala aktiviti ko-kurikulum daripada peringkat sekolah hingga IPT juga harus menerapkan unsur-unsur patriotisme dalam setiap program dan agenda. Seterusnya, melalui media massa, sama ada bercetak atau elektronik perlu digerakkan bagi menyemaikan nilai jati diri dan semangat patriotisme. Ini boleh dilakukan dengan menerbitkan komik, cerpen dan filem yang berbentuk patriotik. Di samping itu, pembangunan sukan khususnya sukan popular seperti bola sepak, badminton, hoki, olahraga dan sebagainya perlu mencapai taraf dunia kerana sukan mampu memupuk semangat patriotisme dan menyatukan rakyat terutamanya golongan belia dengan cara yang cukup mudah dan berkesan. Pencapaian tinggi pasukan kebangsaan di peringkat Asia dan dunia mampu memulih kembali imej dan rasa bangga diri rakyat Malaysia terhadap negara. Sebagai sebuah negara berbilang bangsa, maka tanggungjawab mempertahankan negara perlu dipikul oleh rakyat. Semangat patriotisme perlu dihayati dan dijatikkan sebagai nilai jati diri kerana ia adalah teras kepada pertahanan negara.

Rujukan

- Dewan Bahasa dan Pustaka. 1994. Kamus Dewan. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Embi, Muhamad Ali. (2009). Patriotisme dan Kepercayaan Rakyat di Malaysia (Pertama). Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Ismail Ibrahim. 2010a. Gagasan 1Malaysia, Peradaban dan Identiti Bangsa: Pendekatan Hadhari. Bangi: Institut Islam Hadhari UKM.
- Ismail Ibrahim. 2010b. 1Malaysia: pembentukan jati diri kebangsaan. Dlm. Mohd Yusof Osman (Pnyt.), *Jati Diri Kebangsaan Manhaj Islam Hadhari* (hlm. 3-20). Bangi: Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Yusof Othman, Jawiah Dakir, Abd. Latif Samian, Mohd. Safar Hasim, Noor Aziah Mohd Awal, Shamsul Azhar Yahya, Rosilawati Mohd. Hanapi, Noralina Omar, Mujahid Abu Bakar. 2012. *Jati Diri Kebangsaan Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Nazri Muslim, Jamsari Alias. *Patriotisme: Konsep Dan Pelaksanaannya Di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Rosyidah Muhamad. 2015. *Semangat Patriotisme Dalam Kalangan Remaja: Kepentingannya Dalam Membentuk Halatuju Negara*. <http://mabbim.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2015/04/semangat.pdf>.
- Sabaryah @ Sabariah Binti Shafiee. 2013. (PDF) *Bahasa & Jati Diri: Pembentukan Jati Diri Bangsa Malaysia Melalui Bahasa Melayu*. https://www.academia.edu/6414049/Pembentukan_Jati_Diri_Bangsa_Malaysia_Melalui_Bahasa_Melayu.
- Sarjit S. Gill, Mohd Rahimi Ramli, Ahmad Tarmizi Talib. 2015. *Kesedaran Patriotik Dalam Kalangan Belia Bandar Di Semenanjung Malaysia*. Universiti Putra Malaysia.